



**Teks Ucapan Dari
Yang Berusaha Professor Dr Lim Soo Kun
Presiden, Persatuan Nefrologi Malaysia (MSN)
Sempena
Sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia 2026
12 April 2026
Dewan Bankuet MBSA
Section 14, Wisma MBSA Shah Alam**

Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad

Menteri Kesihatan Malaysia

Kementerian Kesihatan Malaysia

Diiringi Oleh isteri, **YBhg. Datin Seri Azlin Binti Hezri**

Yang Berhormat Puan Jamaliah Binti Jamaluddin

EXCO Kesihatan Awam dan Alam Sekitar, Selangor

Yang Berusaha Tuan Haji Mohd Firdaus bin Mokhtar

Ahli Majlis MBSA

Majlis Bandaraya Shah Alam

Yang Berusaha Dr. Sunita Bavanandan

Perunding Kanan Pakar Nefrologi dan Ahli Lembaga Yayasan Buah Pinggang
Kebangsaan Malaysia

Pengerusi National Renal Registry (NRR)



Yang Berusaha Encik Choo Kok Ming

Ketua Pegawai Eksekutif

Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia

Hadirin hadirat..

Salam sejahtera, dan selamat pagi. Selamat Malaysia Madani

Pergi ke pasar membeli timun,

Singgah sebentar membeli petai;

Jangan tunggu buah pinggang merajuk bertahun,

Bila dialisis, baru sedar air banyak terpakai.

Saya amat berbesar hati, bagi pihak Malaysian Society of Nephrology, mengalu-alukan kehadiran semua ke sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia 2026. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih & tahniah kepada jawatankuasa pengajur terutamanya dari NKF yang bekerja bertungkus lumus ...

Kita meraikan ..

Tema tahun ini, “Kidney Health for All – Caring for People, Protecting the Planet,”

Ataupun “Kesihatan Buah Pinggang untuk semua, Prihatin terhadap manusia, melindungi”



Malaysian Society of Nephrology

Mengapa kesihatan buah pinggang dikaitkan dengan kelestarian alam sekitar?" ?

Ini sebab rawatan buah pinggang, khususnya hemodialisis, menggunakan banyak air, tenaga, bahan pakai buang, dan menghasilkan sisa klinikal yang banyak. Adalah dianggarkan bahawa 250L air digunakan pada satu sesi HD. Untuk 50K pesakit HD, air yang dipakai setahun dianggarkan lebih kurang 2 billions litre air.

Kita minum 2L air sehari, 60K litre seumur hidup. 2 billions litre air boleh membekalkan air minuman seumur hidup cukup untuk 33K orang.

Oleh itu, penjagaan buah pinggang yang lestari kini menjadi satu keperluan, bukan lagi satu pilihan.

Penyakit buah pinggang kronik sering dikesan lewat kerana ia boleh berlaku tanpa gejala pada peringkat awal. Oleh itu, kita mesti terus menekankan pencegahan, pengesanan awal, dan rawatan tepat pada masanya, khususnya bagi golongan berisiko tinggi seperti pesakit diabetes, HPT, dan penyakit kardiovaskular.

Sehubungan itu, Malaysian Society of Nephrology telah memulakan inisiatif Green Nephrology dan telah menyediakan satu kenyataan pendirian (position statement) mengenai Green Nephrology yang akan dilancarkan hari ini. Tujuannya adalah untuk membimbing amalan dialisis dan penjagaan buah pinggang yang lebih mampan di Malaysia.

Inisiatif ini menekankan perubahan yang praktikal dan berperingkat, termasuk mencegah kegagalan buah pinggang melalui rawatan awal. Ini adalah kerana "dialisis yang paling hijau ialah dialisis yang dapat kita elakkan dengan selamat melalui diagnosis awal dan rawatan yang berkesan."

Mengurangkan pembaziran air, meningkatkan kecekapan tenaga, memperbaiki pengurusan sisa, dan menggunakan sumber secara lebih bertanggungjawab, adalah antara penekanan penting dalam position statement ini.



Malaysian Society of Nephrology

Namun begitu, kelestarian mesti sentiasa berjalan seiring dengan keselamatan pesakit, kualiti rawatan, dan akses yang adil. Penjagaan hijau bukan bermaksud mengurangkan mutu rawatan, tetapi membina sistem penjagaan buah pinggang yang lebih cekap, berdaya tahan, dan bersedia untuk masa hadapan.

Semoga sambutan hari ini menjadi peringatan dan dorongan kepada kita semua untuk terus memajukan kesihatan buah pinggang, sambil memelihara alam sekitar demi generasi akan datang.